

4. SKOP PROGRAM



**MENJANA PENDAPATAN SYARIKAT
MELALUI PROGRAM DISEDIAKAN**



**MEMBANTU KREW TEMPATAN
UNTUK MENJANA PENDAPATAN**



**MENINGKATKAN PEMILIKAN IP PENGKARYA
BAGI TUJUAN KOMERSIAL YANG MEMBERIKAN
PULANGAN JANGKA PANJANG**



**MEMPERBANYAKKAN PROGRAM
TV DI RTM**

5. PELAKSANAAN PROGRAM



- Syarikat Pemohon boleh memohon melalui *online* di *website* FINAS:
www.finas.gov.my atau di **<http://sppik.finas.my/>**.



- Selepas saringan melalui SPPIK, permohonan akan diserahkan kepada stesen TV RTM bagi menyenarai pendek syarikat-syarikat yang berpotensi untuk terlibat di bawah program ini dan membentangkan senarai tersebut kepada pihak FINAS.



- Syarikat akan dipanggil untuk sesi '*pitching*' kepada Jawatankuasa Penilaian Kandungan Dan Teknikal DKD. Wakil RTM / stesen TV akan dijemput sebagai Panel di dalam Jawatankuasa Penilaian Kandungan dan Teknikal dan Jawatankuasa Pelulus DKD.



- Syarikat yang melepasi sesi '*Pitching*' akan dibawa ke Jawatankuasa Pelulus DKD di Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk kelulusan.



- FINAS akan mengeluarkan Surat Tawaran dan Perjanjian kepada syarikat yang berjaya.

6. TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM

Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama **12 bulan** dan perlu disiapkan bermula dari tarikh Perjanjian yang telah ditandatangani pihak FINAS.

7. IMPLIKASI KEWANGAN

Pembiayaan Dana Program TV ini sehingga **RM 200,000.00** termasuk aktiviti pra-produksi dan pasca produksi bagi projek tersebut (tidak termasuk promosi, pengedaran dan kos operasi). Peruntukan ini adalah merupakan tambahan kepada jumlah sebenar kos keseluruhan bagi menyiapkan projek berkenaan.

8. KAEDAH PELAKSANAAN



**Tempoh Permohonan:
satu (1) bulan**



**Tarikh Permohonan:
11 September 2023 -
11 Oktober 2023**